



**Harian Metro**  
**30-Apr-2010**  
**Page: 67**  
**Business & Finance**  
**Region: Malaysia**  
**Circulation: 336603**  
**Type: Malaysia - Malay Newspapers**  
**Size: 49.43 sq.cms**  
**Frequency: MTWTFS**

## CWA, As-Salihin jalin kerjasama

**P**ENYEDIA perkhidmatan pengurusan dan kewangan, CIMB Wealth Advisor (CWA) menyasarkan kira-kira 4,000 pengguna baru hasil kerjasama strategik dengan As-Salihin Trustee Berhad (As-Salihin).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Beng Wah berkata, kerjasama dengan syarikat amanah perancangan harta Islam itu membolehkan CWA menawarkan kedua-dua perkhidmatan konvensional dan perancangan harta Islam.

"Kerjasama ini akan membolehkan 4,300 ejen dan perancang kewangan kami memberikan perkhidmatan kepada pelabur dengan menawarkan rangkaian meluas perkhidmatan perancangan harta Islam," katanya selepas majlis menandatangani kerjasama strategik itu di Kuala Lumpur, semalam.

Kerjasama itu turut membuka pintu untuk As-Salihin memanfaatkan tenaga agensi CWA. — Bernama